

# Bijak wang sejak awal usia

Program Adik Bijak Cerdik Duit terap kemahiran pengurusan kewangan dari kecil

## info

### Adik Bijak Cerdik Duit

- Membabitkan 33 peserta berusia 9 hingga 12 tahun.
- Berlangsung selama 16 minggu bermula November 2016 hingga Februari 2017.
- Diadakan setiap Sabtu.
- Turut membabitkan penyertaan ibu bapa untuk menilai keberkesanan program.
- Antara objektif adalah melatih peserta kuasai bidang pengurusan kewangan sebagai persiapan kerjaya.

Melentur buluh biarlah dari rebungnya. Menyadari perlunya memberi kesedaran dan kemahiran aspek pengurusan kewangan dalam kalangan kanak-kanak, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang dengan kerjasama Fakulti Ekologi Manusia dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Serdang, menganjurkan program komuniti bijak wang.

Dikenali sebagai 'Program Adik Bijak Cerdik Duit' aktiviti yang julung kali diadakan itu mendapat pembiayaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menerusi geran pemindahan ilmu (Knowledge Transfer Program).

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia UPM, Prof. Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, idea, menganjurkan program berkenaan tercetus selepas tertarik dengan hasil kajian yang dijelankannya pada tahun 2014 terhadap 800 pelajar Tahun 4 dan 5 di seluruh negara.

"Kajian itu mendapati amalan menyimpan dalam kalangan mereka

masih rendah dan majoriti tidak dapat membezakan antara keperluan dan kehendak selain wujudnya amalan berhutang.

"Majoriti pelajar menyatakan ibu bapa tidak membabitkan mereka dalam perbincangan mengenai hal ehwal kewangan keluarga dan lebih menarik perhatian ialah meningkatnya statistik mereka yang diisytiharkan muflis.

"Ia menjadi pencetus idea untuk menjalankan program pemindahan ilmu pendidikan dan pengurusan kewangan kepada komuniti terutama kanak-kanak," katanya.

#### Ilmu kepenggunaan

Mohamad Fazli berkata, program terbabit selain memberi pengetahuan aspek pengurusan ia juga memperkenalkan mereka kepada ilmu kepenggunaan dan keusahawanan.

Katanya kemahiran dan pengetahuan berkenaan disifatkan penting sebagai persiapan mereka menjadi pengguna terutama dalam situasi ekonomi semasa.

"Peranan semua pihak termasuk ibu bapa penting dalam usaha menjadikan pendidikan



Peserta, ibu bapa bergambar bersama urusetia dan tetamu program Adik Bijak Cerdik Duit.



Produk Inovasi Kit Bijak Wang: Anak Bijak Cerdik Duit.



Majoriti pelajar menyatakan ibu bapa tidak membabitkan mereka dalam perbincangan mengenai hal ehwal kewangan keluarga"

Dr Mohamad Fazli Sabri, Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia UPM

kewangan satu bentuk pembelajaran sepanjang hayat dalam kehidupan kanak-kanak," katanya.

Objektif utama program terbabit adalah memindahkan ilmu pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan kepakaran yang ada di universiti kepada pihak komuniti khususnya dalam bidang pendidikan kewangan terhadap kumpulan sasar iaitu kanak-kanak dalam kalangan Komuniti Taman Sri Serdang.

Program yang berlandaskan 'belajar sambil bermain' itu berlangsung selama empat bulan bermula November hingga Februari tahun depan dan diadakan setiap Sabtu selama dua jam.

Tempoh berkenaan disifatkan sesuai untuk melihat keberkesanan program dari segi peningkatan pengetahuan, tingkah laku dan kemahiran peserta dalam

aspek yang ditekankan.

#### Fasilitator terlatih

Ia dikendalikan jurulatih iaitu pegawai akademik dan pegawai pelaksana yang berpengalaman dengan dibantu fasilitator dalam kalangan mahasiswa yang terlatih dan terbabit secara sukarela.

Sebanyak 10 unit asas diperkenalkan dalam modul antaranya wang dan sejarah, keperluan vs kehendak, matlamat kewangan, simpanan dan pelaburan, institusi kewangan di Malaysia, bajet dan belanja, kepenggunaan, pengurusan kredit dan hutang, keusahawanan serta penggunaan lestari.

Program dilaksanakan menerusi pendekatan secara bersemuka, kelas mingguan, latihan dalam dan luar kelas, lawatan sambil belajar, kem intensif dan khidmat nasihat serta bimbingan berterusan.



Peserta sedang menyiapkan aktiviti kumpulan.